

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN
1987
Lokasi : MELALUI RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
Tarikh : 30-07-1987

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera kepada segenap lapisan masyarakat di tanahair.

Saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan kudrat dan iradatNya saya menerima penghormatan dan berupaya sekali lagi untuk melancarkan kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan ke seluruh negara bagi tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

2. Kita semua sedia maklum bahawa kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan adalah dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Ianya diadakan serentak di seluruh negara untuk selama satu bulan mulai 31hb. Julai pada setiap tahun. Di dalam tempoh tersebut Persatuan ini akan menjalankan berbagai-bagai aktiviti khususnya untuk mendapatkan sumbangan derma daripada orang ramai serta para dermawan sekalian bagi memenuhi Tabung Kebajikan mereka. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah mengedarkan surat-surat rayuan, menjual pelekat-pelekat kereta serta lain-lain bahan cenderamata kepada orang ramai, firma-firma serta orang perseorangan. Oleh yang yang demikian, pada kesempatan ini saya menaruh harapan dan menyeru supaya segenap lapisan masyarakat di negara ini akan memberi sumbangan dan memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan usaha-usaha yang murni ini. Saya sentiasa sedar mengenai keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang melanda negara ini, tetapi pada hemat saya aspek tersebut tentu sekali tidak akan menghalang para dermawan untuk terus berbakti kepada mereka yang telah banyak menabur jasa kepada nusa dan bangsa.

3. Perlu saya ulangi di sini bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia adalah merupakan sebuah Persatuan Kebajikan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1922 dan mempunyai fungsi untuk melindungi kepentingan serta aspek-aspek kebajikan bekas-bekas anggota tentera di tanahair. Persatuan ini juga adalah merupakan persatuan tunggal yang selama ini diiktiraf oleh Kerajaan sebagai mewakili dan penyambung suara bekas-bekas perajurit. Di dalam hubungan ini saya merasa amat berbangga kerana peranan yang telah dimainkan oleh Persatuan tersebut selama ini sangatlah menggalakkan. Paling menarik hati saya ialah perancangan dan pengurusan Persatuan tersebut terutamanya di dalam sudut mengelolakan berbagai-bagai skim kebajikan bagi meringankan bebanan yang sedang dipikul oleh ahli-ahli serta balu-balu mereka yang kurang bernasib baik. Di samping itu, Persatuan ini juga terus berusaha untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya lebih-lebih lagi disegi pembangunan sosio ekonomi.

Skim-skim bantuan kebajikan yang sedang diselenggarakan oleh Persatuan tersebut adalah meliputi bantuan bulanan kepada balu-balu, ahli-ahli yang kurang upaya oleh sebab uzur, cacat dan sebagainya serta bantuan-bantuan kebajikan kepada anak-anak ahli di bidang pelajaran. Di dalam tahun 1986 sahaja Persatuan ini telah mengeluarkan bantuan sebanyak setengah juta ringgit bagi menampung skim bantuan tersebut. Jumlah ini sentiasa meningkat setiap tahun. Tidak syak lagi Persatuan tersebut sangat memerlukan bantuan daripada orang ramai serta para dermawan sekalian untuk menampung keperluan kewangan bagi meneruskan kegiatan mereka.

4. Di dalam hubungan ini juga saya ingin menegaskan bahawa di dalam menganjurkan kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan tidaklah bermakna bahaw ahli-ahli Persatuan ini hanya bergantung kepada belas ehsan masyarakat di negara ini sahaja untuk menyempurnakan tanggungjawab mereka terhadap rakan-rakan mereka yang kurang bernasib baik. Pun begitu ianya tidaklah juga menggambarkan bahawa pihak Kerajaan tidak menghiraukan untung nasib bekas-bekas pahlawan tanahair. Tetapi pada hakikat sebenarnya ialah untuk mengukur sejauh mana penilaian dan penghargaan masyarakat terhadap segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh pahlawan-pahlawan negara. Kita harus sedar bahawa kestabilan politik, kesuburan ekonomi dan keamanan negara tidak mungkin tercapai tanpa pengorbanan sebagaimana yang telah dibuktikan oleh perajurit-perajurit tanahair. Nilai keselesaan yang dinikmati oleh

kita bersama pada masa ini dan masa-masa yang akan datang telah dan akan ditunaikan dengan penuh kerelaan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi oleh perajurit-perajurit sekalian. Pendek kata nilai kebebasan kita telah dibayar dengan harga yang amat tinggi. Nyawa tergadai, anggota menjadi cacat, isteri kehilangan suami dan anak-anak kecil yang tidak berdosa kehilangan ayah yang tersayang.

Di dalam hal ini saya penuh percaya bahawa segenap lapisan masyarakat di negara ini akan merasa insaf.

Marilah sama-sama kita menjayakan kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun ini sebagaimana yang sering kita lakukan pada masa-masa yang silam.

5. Sebelum saya mengudur diri sekali lagi saya menggunakan kesempatan ini untuk menyeru kepada para dermawan sekalian supaya mengenyepikan fahaman politik mereka, warna kulit dan sebagainya. Marilah sama-sama kita berbudi kepada mereka yang telah banyak berjasa kepada negara kita yang tercinta. Semoga segala derma ikhlas daripada tuan-tuan dan puna-puan itu akan turut meringankan bebanan yang sangat-sangat diperlukan oleh mereka yang kurang bernasib baik.

Terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.